

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Pasaran modal Islam di Malaysia semakin berkembang seiring perkembangan pasaran modal konvensional dengan sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pihak. Ia menjadi pelengkap kepada keseluruhan pasaran modal yang wujud di Malaysia dan memainkan peranan penting dalam menyokong pembentukan ekonomi negara dengan menawarkan produk serta perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Syariah.<sup>1</sup> Perkembangan pasaran modal Islam bermula seawal tahun 90-an<sup>2</sup> apabila instrumen yang ditawarkan menjadi sasaran dan tumpuan kebanyakan badan korporat dan pelabur apabila mereka menunjukkan minat yang tinggi untuk melabur dalam sekuriti yang diluluskan Syariah.<sup>3</sup>

Kini seiring dengan perkembangan semasa, pelbagai produk serta instrumen pasaran modal tersedia bagi mereka yang ingin mengurusniaga dalam pasaran modal Islam. Antara produk dan instrumen yang ditawarkan seperti senarai sekuriti hutang, unit amanah Islam, indeks Islam dan Syariah, waran, waran panggilan dan kontrak niaga

---


<sup>1</sup> Syarifah Md Yusof & Azizi Abu Bakar, "Sekuriti Lulus Syariah dan Kepentingannya kepada Pasaran Modal Islam," *Jurnal Syariah* 13, no. 1 (Jan-Jun 2005), 24. Ini bermakna setiap urusniaga pasaran modal Islam mengaplikasikan prinsip perundangan Islam dan bebas daripada aktiviti yang dilarang oleh Syarak seperti unsur-unsur riba, perjudian (*maysir*) dan spekulasi serta *gharar*.

<sup>2</sup> Usaha mengembangkan pasaran modal Islam di Malaysia bermula apabila Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ditubuhkan pada 1993. SC telah mengenal pasti pembangunan pasaran modal Islam sebagai salah satu agenda utama dalam membangunkan pasaran modal Negara. Sila rujuk Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. 1 (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2006), 2.

<sup>3</sup> Syarifah Md Yusof & Azizi Abu Bakar, "Sekuriti Lulus Syariah dan Kepentingannya kepada Pasaran Modal Islam,"

hadapan minyak kelapa sawit mentah.<sup>4</sup> Disamping itu juga, bentuk pelaburan turut berkembang pesat daripada hanya tertumpu kepada pelaburan yang mudah melalui aset tipikal seperti estet, saham, instrumen berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, kini skop pelaburan telah membangun ke arah instrumen yang lebih pelbagai.<sup>5</sup> Tahap inovasi produk juga bertambah pesat dengan penghasilan produk pelaburan yang lebih canggih sebagaimana diperlihatkan oleh kemunculan yang ketara oleh produk berstruktur dan produk berkaitan pelaburan yang lain seperti mana dapat dilihat dalam Rajah 1.1 berikut.

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan Islam di Malaysia



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti<sup>6</sup>

Landskap pelaburan bagi pelabur di Asia Pasifik terutamanya Malaysia telah menyaksikan perubahan yang signifikan sepanjang tahun kebelakangan ini. Aspek

<sup>4</sup> Azizi Abu Bakar, "Pasaran Modal Islam: Analisis Fiqh Terhadap Asas Pembentukan Instrumen dan Kriteria Penilaian Status Sekuriti oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti" (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2009), 4.

<sup>5</sup> Aznan Hassan, "Islamic Structured Products: Issues and Challenges" (Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF), Nikko Hotel, 9 November 2007) (Kuala Lumpur: CERT, 2009), 87.

<sup>6</sup> Suruhanjaya Sekuriti, *The Islamic Securities (Sukūk) Market* (Petaling Jaya: LexisNexis Malaysia Sdn. Bhd., 2009), 5; Securities Industry Development Corporation, "Overall Structure and Regulatory Framework of Islamic Capital Market."

sosial, ekonomi dan pembangunan di beberapa kawasan memberikan peningkatan kepada minat yang tinggi bagi seseorang untuk melabur dalam produk kewangan yang lebih inovatif berbanding hanya menyimpan di deposit dan pasaran saham sahaja.<sup>7</sup> Para pelabur kini lebih berminat ke arah pelaburan berstruktur yang mana pulangan risikonya lebih terurus dan lebih baik.<sup>8</sup> Salah satu instrumen pelaburan tersebut ialah produk berstruktur Islam yang merupakan sebahagian daripada instrumen pasaran modal Islam dan sistem kewangan Islam. Produk berstruktur Islam merupakan salah satu instrumen pelaburan yang diaplikasikan di dalam pasaran modal Islam dan menyediakan alternatif pelaburan yang lebih pelbagai dan berpotensi memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada pelabur yang layak.<sup>9</sup>

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pasaran produk berstruktur di Malaysia adalah hasil daripada perkembangan pasaran modal. Dewasa ini, pelbagai produk pasaran modal berjaya dicipta sehingga menghasilkan instrumen-instrumen dan produk-produk yang bervariasi. Produk berstruktur adalah antara bentuk pelaburan yang semakin mendapat tempat di kalangan pelabur kerana mempunyai risiko pelaburan yang terkawal, potensi keuntungan yang tinggi serta perlindungan modal sekiranya dipegang sehingga tempoh matang. Kebiasaannya ia direka dengan memasukkan ciri tertentu bagi memenuhi keperluan atau matlamat pelaburan yang khusus mengikut kehendak pelabur. Meskipun jumlah

---

<sup>7</sup> CFA Institute: Centre for Financial Market Integrity, *Mis-Selling of Financial Products: How are Investors Protected in Today's Marketplace?* A discussion paper and call for feedback from CFA Institute members by the Asia Pacific Office of the CFA Institute Centre for Financial Market Integrity, 1.

<sup>8</sup> Aznan Hassan, "Islamic Structured Products: Issues and Challenges," 87.

<sup>9</sup> Suruhanjaya Sekuriti, "SC Perkenal Garis Panduan Tawaran Produk Berstruktur," laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti*, dicapai 10 Februari 2014, <http://www.sc.com.my/main.asp?pageid=509&linkid=1439&yearno=2003&mod=paper>

pelaburan minimum dalam produk berstruktur agak tinggi tetapi pulangan yang dijanjikan lumayan.<sup>10</sup>

Umumnya, produk berstruktur konvensional telah lama wujud dalam pasaran modal dan menjadikan pasaran modal lebih kompetitif dan berdaya saing. Namun, pengaplikasiannya bertentangan dengan hukum syarak<sup>11</sup> terutama apabila menggunakan instrumen derivatif tidak patuh Syariah yang jelas bertentangan dengan prinsip Islam. Kriteria patuh Syariah yang telah digariskan tidak meluluskan sebahagian daripada produk konvensional akibat daripada aset pendasar serta elemen transaksi yang tidak menepati piawaian Syariah.<sup>12</sup> Justeru produk berstruktur Islam merupakan alternatif kepada produk berstruktur konvensional yang mana ianya telah distruktur dengan instrumen patuh Syariah supaya kontrak yang membabitkan produk berstruktur Islam ini tidak mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan prinsip Islam seperti riba, ketidakpastian (*gharar*) dan perjudian (*maysir*). Ringkasnya, produk berstruktur Islam merupakan produk pelaburan di dalam ruang lingkup sekuriti yang mana nilainya ditentukan berdasarkan kepada nilai aset rujukan atau aset pendasar yang juga merupakan instrumen derivatif patuh Syariah.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Di Malaysia, produk berstruktur Islam mula mencipta produk-produk kewangan dan infrastruktur baru seterusnya berkembang bukan hanya dengan

---

<sup>10</sup> "CIMB Group Lancar Dana Berstruktur Terbaru," *Berita Harian*, 9 Mac 2010, 22.

<sup>11</sup> Semua instrumen kewangan Islam mesti bebas dari unsur-unsur riba, rasuah, perjudian dan ketidakpastian. Dalam instrumen derivatif riba boleh berlaku apabila pelabur mendapat keuntungan positif tanpa mengambil sebarang risiko ketika melabur. Lihat Obiyathulla Ismath Bacha, *Derivatives in Islamic Finance: An Overview*.

<sup>12</sup> Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, "Produk Berstruktur Islam" (Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF), Nikko Hotel, 9 November 2007) (Kuala Lumpur: CERT, 2009), 59.

mengambil contoh daripada produk konvensional semata-mata dalam struktur Syariah sahaja tetapi memenuhi prinsip Islam dari awal hingga akhir proses.<sup>13</sup> Sebagai contoh, produk pelaburan berstruktur patuh Syariah jenis nota berkait ekuiti (*equity linked notes*) pertama telah dilancarkan pada Januari 2007 oleh CIMB Group yang dikenali sebagai Islamic All-Stars Global yang mengaplikasikan prinsip *muḍārabah muqayyadah*.<sup>14</sup> Diikuti dengan produk kedua yang dilancarkan pada Februari 2007 oleh OCBC Bank (M) Bhd yang dikenali sebagai *Equity-Link RM Structured Investment (ELRSI)*. Produk ini distruktur berasaskan kepada prinsip *wakālah bi al-istithmār*.<sup>15</sup> Seterusnya terdapat pelbagai bentuk dan jenis produk berstruktur Islam lain yang dilancarkan dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip Syariah. Lantaran itu, produk berstruktur Islam ini merupakan generasi baru bagi strategi pelaburan Islam dewasa ini.

Walau bagaimanapun, kewujudan produk berstruktur Islam telah menimbulkan polemik dan isu Syariah di kalangan para cendekiawan Islam. Wujud tanggapan yang menyatakan bahawa produk berstruktur Islam hanya mengadaptasi elemen-elemen dari produk berstruktur konvensional yang mana ianya mempunyai persamaan dari segi objektif, manfaat ekonomi dan asas penstrukturan dengan produk konvensional.<sup>16</sup> Antara permasalahan lain yang timbul adalah sejauhmana produk berstruktur Islam ini

---

<sup>13</sup> “The Coming of Age of Islamic Structured Product,” laman sesawang *AIBIM*, dicapai 10 Februari 2014, <http://aibim.com/content/view/719/77/>

<sup>14</sup> Suruhanjaya Sekuriti, *Quarterly Bulletin of Malaysian Islamic Capital Market*, vol 2, no. 1, (March 2007), 6-7.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>16</sup> Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, “Produk Berstruktur Islam,” 57; Nouredine Krichene, *Islamic Capital Market: Theory and Practice* (Singapore: John Wiley & Sons Singapore Pte. Ltd, 2013), 683.

memenuhi prinsip Syariah dalam pengaplikasiannya terutama penggunaan instrumen derivatif yang menimbulkan pelbagai perbahasan dalam kalangan sarjana Islam.<sup>17</sup>

Disamping itu, produk berstruktur Islam sering dikritik sebagai salah satu tipu muslihat dalam sistem kewangan iaitu satu helah yang membolehkan pelabur muslim mendapat keuntungan sama seperti pelabur konvensional.<sup>18</sup> Justeru itu, kajian lanjut bagi menghurai permasalahan ini perlu dilaksanakan untuk menilai sejauhmana kebenaran dakwaan tersebut. Bagi meneliti sejauhmana ketepatan produk berstruktur Islam ini dengan prinsip-prinsip Syariah, maka kajian khusus dibuat terhadap produk berstruktur Islam jenis ekuiti iaitu “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” yang diterbitkan oleh HSBC Amanah.

Bagi menyelesaikan isu dan polemik yang timbul berhubung produk berstruktur Islam ini, pengkaji menggariskan beberapa persoalan untuk dibincangkan iaitu:

1. Apakah teori dan konsep produk berstruktur Islam?
2. Bagaimanakah bentuk dan struktur produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” yang diaplikasikan di HSBC Amanah?
3. Apakah prinsip-prinsip Syariah yang digunakan dalam penstrukturan produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” di HSBC Amanah?

---

<sup>17</sup> Derivatif merupakan instrumen kewangan yang mana nilainya bergantung kepada nilai aset pendasar seperti saham, bon, mata wang dan komoditi. Jenis-jenis derivatif merangkumi kontrak niaga hadapan (*futures contracts*), kontrak hadapan (*forward contracts*), opsi (*options*) dan *swap*. Dalam pasaran konvensional, derivatif berfungsi sebagai perlindungan nilai (*hedging purposes*) untuk mengurangkan risiko, spekulasi (*speculation*) dan arbitraj (*arbitrage*). Robert E. Whaley, *Derivatives: Markets, Valuation and Risk Management* (Kanada: John Wiley & Sons, Inc, 2006), 1-8. Walau bagaimanapun, instrumen derivatif telah menerima respon yang pelbagai di kalangan fuqaha yang cenderung menyatakan ianya dilarang kerana melanggar keperluan asas sesuatu kontrak. Majma’ al-Fiqh al-Islamī, *Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, bil. 7 (Jeddah: Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, 1992), 1:715.

<sup>18</sup> Suruhanjaya Sekuriti, *Quarterly Bulletin of Malaysian Islamic Capital Market*, 7.

4. Apakah isu-isu Syariah yang timbul berkaitan produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”?
5. Adakah aplikasi produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” mematuhi prinsip-prinsip Syariah?

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengkaji produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” di HSBC Amanah. Justeru itu pengkaji menggariskan beberapa objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu :

- i. Menjelaskan konsep dan bentuk produk berstruktur Islam.
- ii. Menghuraikan prinsip-prinsip dan isu-isu Syariah dalam produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”
- iii. Menganalisis keselarasan produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” dengan prinsip-prinsip Syariah.

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dari sudut ilmiahnya penting untuk menjelaskan tentang konsep dan bentuk produk berstruktur Islam serta aplikasinya di Malaysia, sekaligus dapat menyumbang ke arah kefahaman mendalam berkaitan sistem ekonomi dan kewangan Islam yang berdaya saing dan maju kepada masyarakat, pelajar, pihak industri kewangan Islam dan para pelabur. Selain itu, kajian ini dapat memberi informasi tentang isu-isu Syariah yang timbul berkaitan produk berstruktur Islam serta penyelesaiannya.

Berdasarkan kepada penelitian, kajian khusus berkaitan produk berstruktur Islam kurang dilaksanakan kerana ianya merupakan bentuk pelaburan baru di dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam. Justeru, kajian ini juga bakal menambah bahan kajian berkaitan produk berstruktur Islam khususnya untuk Universiti Malaya dan masyarakat umumnya memandangkan produk berstruktur Islam merupakan bentuk pelaburan baru dan kajian ini didorong oleh hakikat bahawa perbincangan tentang produk berstruktur Islam begitu kurang sekali.

Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi pendedahan yang bersifat semasa berkaitan produk berstruktur Islam terhadap pelabur. Ia merupakan inisiatif untuk menggalakkan pemahaman berkaitan produk berstruktur Islam. Kefahaman sebegini penting bagi perkembangan dan pertumbuhan instrumen tersebut ke arah menambah peluasan produk pasaran modal yang semakin berkembang pesat di Malaysia khasnya dan di seluruh dunia amnya.

Disamping, ia dapat menyumbang ke arah peningkatan penguasaan umat Islam terhadap produk berstruktur Islam. Hal ini kerana Islam menganjurkan umatnya membina kekuatan dari segenap sudut termasuklah ekonomi. Penguasaan umat Islam dalam produk berstruktur Islam amat penting dalam usaha menggembelng kuasa ekonomi melalui pelaburan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada pihak institusi kewangan Islam untuk meneliti semula produk-produk yang ditawarkan sama ada benar-benar menepati piawaian Syariah atau tidak serta dapat menawarkan produk baru yang patuh Syariah.



## **1.6 SKOP KAJIAN**

Skop dan ruang lingkup kajian ini menyentuh tentang teori dan konsep produk berstruktur Islam yang meliputi definisi, ciri-ciri utama, objektif utama, asas penstrukturan, jenis-jenis, contoh-contoh produk berstruktur Islam dan aplikasinya serta perkembangannya di Malaysia. Seterusnya, penumpuan akan diberikan kepada produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" yang dilancarkan oleh HSBC Amanah dari segi bentuk penstrukturannya. Indikator pemilihan produk ini adalah kerana HSBC merupakan bank asing pertama yang melancarkan pelaburan produk berstruktur jenis ini di Malaysia. HSBC yang berpangkalan di London merupakan salah satu daripada institusi kewangan dan perbankan yang terbesar serta mempunyai cawangan di seluruh dunia termasuk di Eropah, Amerika, Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika.

Kajian turut memfokuskan perbincangan berkaitan prinsip-prinsip Syariah yang diguna pakai dalam penstrukturan produk serta meninjau beberapa isu Syariah yang timbul berkaitan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" terutama berkenaan instrumen derivatif yang digunapakai dan menjadi isu perdebatan di kalangan cendekiawan Islam di Timur Tengah dan Malaysia.

## **1.7 ULASAN KAJIAN LEPAS**

Penulisan berkaitan teori produk berstruktur telah dilakukan oleh ramai sarjana Barat menerusi buku, artikel jurnal, kajian ilmiah dan sebagainya. Terdapat beberapa penulisan yang membincangkan berkaitan produk konvensional antaranya oleh

Satyajit Das<sup>19</sup>, Roberto Knop<sup>20</sup> dan Uwe Wystup.<sup>21</sup> Perbincangan menjelaskan secara teoritikal dan konseptual mengenai produk berstruktur merangkumi teori, bentuk atau struktur, jenis serta contoh-contoh produk berstruktur konvensional. Selain itu, terdapat kajian-kajian lain yang dilaksanakan khusus berkaitan produk berstruktur konvensional antara lainnya ialah kajian yang dilaksanakan dalam bentuk tinjauan (*survey*) untuk melihat trend, isu dan penilaian produk yang dilaksanakan oleh Michael Mahlkecht (2008), “*Global Structured Products Survey: Trends and Issues In The Market*”,<sup>22</sup> Andreas Grunbichler & Hanspeter Wohlwend (2002), “*The Valuation of Structured Products: Empirical Findings for The Swiss Market*”,<sup>23</sup> dan Michael Mahlkecht & Konstantin Oppl (2009), “*Analyzing And Hedging Structured Products With Interactive Deformable Computer Graphics*”.<sup>24</sup>

Lantaran wujudnya pelbagai isu dan permasalahan berkaitan produk berstruktur, terdapat beberapa penulisan yang turut membincangkan tentang isu-isu dan permasalahan yang berlaku dalam produk berstruktur. Antaranya kajian dan penulisan yang dilakukan oleh Jennifer Bethel & Allen Ferrel,<sup>25</sup> Carol Bernard, Phelim Boyle &

---

<sup>19</sup> Satyajit Das, *Structured Products and Hybrid Securities*, ed. ke-2 (Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd., 2001).

<sup>20</sup> Roberto Knop, *Structured Products: A Complete Toolkit to Face Changing Financial Markets* (England: John Wiley & Sons Ltd., 2002).

<sup>21</sup> Uwe Wystup, *FX Options and Structured Products* (England: John Wiley & Sons Ltd., 2006).

<sup>22</sup> Michael Mahlkecht, ”Global Structured Products Survey: Trends and Issues In The Market,” *Journal of Financial Transformation*, vol. 23 (2008), 14-18.

<sup>23</sup> Andreas Grunbichler & Hanspeter Wohlwend, “The Valuation of Structured Products: Empirical Findings for The Swiss Market”, *Journal Financial Markets and Portfolio Managements*, vol. 19, (4 Disember 2005), 1-33.

<sup>24</sup> Michael Mahlkecht & Konstantin Oppl (2009), “Analyzing And Hedging Structured Products With Interactive Deformable Computer Graphics”, *Journal of Financial Transformation*, vol. 28 (2009), 55-58.

<sup>25</sup> Jennifer Bethel & Allen Ferrel (2007), “Policy Issues Raised by Structured Product”. dalam *Brookings-Nomura Papers On Financial Services*, eds. Yasuki Fushita *et al.*, (T.t.p: Brookings Institution Press, 2007), 1-31.

Weidong Tian,<sup>26</sup> Adrian Blundell-Wignall,<sup>27</sup> Martin Wallmeier & Martin Diethelm,<sup>28</sup> dan Thorsten Hens & Marc Oliver Rieger.<sup>29</sup>

Kebanyakan penulisan dan kajian yang dilaksanakan memfokuskan kepada produk berstruktur konvensional yang membincangkan berkaitan perkembangan, permasalahan dan isu yang berlaku di negara Barat. Bagaimanapun, perbincangan mengenai produk berstruktur Islam tidak diperbincangkan dan diulas secara meluas. Di Malaysia, amat kurang sekali kajian dan artikel yang diterbitkan berkaitan produk berstruktur namun begitu terdapat beberapa kajian khusus mengenai produk berstruktur Islam dalam menghuraikan isu-isu Syariah dan cabarannya. Walau bagaimanapun, ianya tidak memfokuskan kepada analisis terhadap satu-satu produk. Antara kajian tersebut akan dijelaskan dalam perenggan seterusnya.

Salah satu kajian berkaitan produk berstruktur Islam telah dilakukan oleh Engku Rabiah Adawiah Engku Ali yang bertajuk "*Produk Berstruktur Islam*".<sup>30</sup> Kajian ini membincangkan tentang produk berstruktur Islam semasa yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia serta menyentuh berkaitan isu-isu Syariah yang timbul dalam produk berstruktur Islam. Antara lainnya menjelaskan tentang instrumen derivatif yang digunakan dalam produk berstruktur Islam seperti opsi yang menimbulkan isu

---

<sup>26</sup> Carol Bernard, Phelim Boyle & Weidong Tian, "Optimal Design of Structured Products and the Role of Capital Protection." (Finance International Meeting AFFI-EUROFIDAI Paper, Paris December 2007). Sila rujuk [http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=1070803](http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1070803)

<sup>27</sup> Adrian Blundell-Wignall, "Structured Products: Implications For Financial Markets", *Financial Market Trends*, no. 93, vol. 2 (2007), 27-57.

<sup>28</sup> Martin Wallmeier & Martin Diethelm, "Market Pricing of Exotic Structured Products: The Case of Multi-Asset Barrier Reverse Convertibles in Switzerland." (April 2008) 1-19. Sila rujuk [http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=1095772](http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1095772)

<sup>29</sup> Thorsten Hens & Marc Oliver Rieger, "The Dark Side of The Moon: Structured Products From The Customer's Perspective." (EFA 2009 Bergen Meetings Paper, 10 Februari 2009), 1-37. Sila rujuk [http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=1342360](http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1342360)

<sup>30</sup> Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, "Produk Berstruktur Islam" (Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF), Nikko Hotel, 9 November 2007) (Kuala Lumpur: CERT, 2009), 57-84.

sama ada ianya patuh Syariah atau tidak. Penggunaan instrumen derivatif mempunyai perbezaan pandangan yang agak ketara di antara *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* dengan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kajian ini mengemukakan hujah dan pandangan daripada kedua-kedua institusi tersebut berkaitan penggunaan instrumen derivatif dalam produk berstruktur Islam. Kajian ini turut menyimpulkan bahawa instrumen derivatif masih belum difahami sepenuhnya oleh pasaran kewangan dan memerlukan kepada penyelidikan yang lebih mendalam bagi menjelaskan hakikat sebenar.

Berikutnya, Aznan Hassan (2009) dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "*Islamic Structured Products: Issues And Challenges*"<sup>31</sup> membincangkan isu-isu Syariah yang timbul dalam produk berstruktur Islam. Contoh-contoh isu Syariah yang diperbincangkan seperti isu *Islamic option* (opsyen patuh Syariah) sama ada menggunakan konsep *al-'urbūn* atau *al-wa'd*. Dapatan kajian mendapati beberapa produk berstruktur Islam menggunakan konsep *al-'urbūn* manakala sebahagian yang lain menggunakan *al-wa'd* untuk menggantikan penggunaan opsiyen konvensional. Selain itu, isu lain yang diperbincangkan berkaitan hubungan di antara pengurus pelaburan dan pelabur sama ada berasaskan *wakālah bi al-istithmār* atau *muḍārabah*.

Seterusnya, Abdul Ghafar Ismail (2009) dalam artikelnya bertajuk "*Deposit Berstruktur: Kejayaan vs Keprihatinan*"<sup>32</sup> mengupas kejayaan dan keprihatinan terhadap produk terkait pelaburan seperti deposit berstruktur. Turut dijelaskan definisi produk berstruktur, serta perbandingan antara deposit berstruktur dengan deposit

---

<sup>31</sup> Aznan Hassan, "Islamic Structured Products: Issues and Challenges" (Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF), Nikko Hotel, 9 November 2007) (Kuala Lumpur: CERT, 2009), 86-115.

<sup>32</sup> Abdul Ghafar Ismail, "Deposit Berstruktur: Kejayaan vs Keprihatinan" (Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF), Nikko Hotel, 9 November 2007) (Kuala Lumpur: CERT, 2009), 117-122.

tradisional. Deposit berstruktur pada dasarnya adalah kombinasi deposit dengan produk pelaburan, dengan pulangnya bergantung kepada prestasi alat kewangan pendasar. Alat kawalan pendasar yang biasa digunakan ialah indeks pasaran, ekuiti, kadar faedah, instrumen berpendapatan tetap, pertukaran asing atau kombinasi-kombinasi daripadanya. Justeru ianya merupakan salah satu produk berstruktur Islam.

Manakala Suruhanjaya Sekuriti Malaysia<sup>33</sup> telah membincangkan berkaitan teori, konsep, ciri-ciri, jenis serta model produk berstruktur Islam dalam satu bahagian dalam buku terbitannya. Ianya turut mengulas tentang instrumen derivatif patuh Syariah yang digunapakai dalam produk berstruktur. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa prinsip Syariah yang kebiasaannya digunapakai sebagai alternatif kepada derivatif konvensional seperti *al-'urbūn* dan *al-wa'd*.

Oleh kerana di dalam kajian ini turut membincangkan tentang penggunaan derivatif dalam penstrukturan produk berstruktur Islam maka rujukan berkaitan derivatif turut digunakan. Antara instrumen derivatif yang digunapakai dalam penstrukturan produk berstruktur Islam adalah opsiyen. *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*<sup>34</sup> pada tahun 1992 telah memutuskan bahawa opsiyen yang merupakan salah satu daripada instrumen pasaran derivatif adalah tidak selaras dengan prinsip Syariah kerana terdapat unsur-unsur *gharar* (ketidakpastian).

---

<sup>33</sup> Securities Commission Malaysia, *Islamic Equity Market* (Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd., 2009), 69-80.

<sup>34</sup> *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, bil. 7 (Jeddah: Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 1992), 1:715.

Ulasan-ulasan yang dibuat oleh Wahbah Zuḥaylī,<sup>35</sup> Muḥammad Mukhtar Salāmi<sup>36</sup> dan ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah<sup>37</sup> menerusi kertas kerja mereka menganggap instrumen yang menjadi asas kepada opsiyen adalah satu bentuk hak yang tidak tergolong dalam *māl* (harta). Oleh kerana itu, ia tidak boleh menjadi subjek akad. Mereka menganggap bahawa apa yang berlaku dalam opsiyen adalah urusanniaga khayalan semata-mata dan ia merupakan seolah-olah perjudian.

Terdapat juga kajian-kajian sarjana yang telah dilakukan berkaitan derivatif, antaranya kajian yang dibuat oleh Ahmad Sufian Che Abdullah dalam disertasi ijazah sarjana yang bertajuk “*Pasaran Derivatif dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Analisis Berdasarkan al-‘Urf.*”<sup>38</sup> Kajian ini membincangkan isu-isu yang wujud di pasaran derivatif dalam konteks ‘*urf* semasa pasaran kewangan. Berdasarkan kajian tersebut, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti berpendapat instrumen derivatif pada asasnya tidak menyalahi Syariah. MPS turut menerima kontrak-kontrak seperti niaga hadapan komoditi dan ekuiti sebagai kontrak patuh Syariah melainkan jika ia melibatkan aset pendasar yang tidak patuh Syariah.

Begitu juga dengan kajian sarjana yang dilaksanakan oleh Nadhirah Nordin<sup>39</sup> yang membincangkan tentang isu-isu *gharar* dalam derivatif komoditi seperti kontrak hadapan, niaga hadapan, opsiyen dan *swap*. Kajian ini, menganalisis kewujudan *gharar* dalam kontrak derivatif komoditi konvensional selain menganalisis hukum *gharar*

---

<sup>35</sup> Wahbah Muṣṭafa al-Zuḥaylī, “Uqūd al-Ikhtiyārāt” dalam Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, *Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī* (Jeddah: Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, 1992), bil. 7, 1:249-261.

<sup>36</sup> Muḥammad Mukhtār al-Salāmī, “al-Ikhtiyārāt” dalam Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, *Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī*, (Jeddah: Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, 1992), bil. 7, 1:225-249.

<sup>37</sup> ‘Abd al-Sattār Abū Ghuddah, “al-Ikhtiyārāt fī al-Aswāq al-Māliyyah” dalam Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, *Majallah Majma’ al-Fiqh al-Islāmī* (Jeddah: Majma’ al-Fiqh al-Islāmī, 1992), bil. 7, 1:327-341.

<sup>38</sup> Ahmad Sufian Che Abdullah, “Pasaran Derivatif dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Analisis Berdasarkan *al-‘Urf.*” (Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 2007).

<sup>39</sup> Nadhirah Nordin, “*Gharar* dalam Kontrak Derivatif Komoditi: Kajian dari Perspektif Ekonomi Islam.” (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2013).

tersebut. Selain itu, kajian ini turut mengemukakan prinsip-prinsip Syariah yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam kontrak derivatif komoditi konvensional dan kesesuaian prinsip tersebut bagi mengelakkan *gharar*. Hasil kajian ini mendapati *gharar* tidak meninggalkan kesan serta tidak membatalkan kontrak derivatif kerana tidak memenuhi parameter *gharar*. Sebagai alternatif, kontrak derivatif boleh mengaplikasikan prinsip *wa'ad*, *murabahah* dan *hamish jiddiyah* bagi mengelakkan unsur-unsur tidak patuh Syariah.

Secara keseluruhannya jika dilihat kepada kajian-kajian yang telah dilaksanakan seperti di atas kebanyakannya tidak memfokuskan perbincangan kepada analisa produk yang dikeluarkan oleh mana-mana institusi kewangan Islam secara khusus. Kajian lebih tertumpu kepada konsep, teori, permasalahan, perkembangan, isu-isu serta cabaran-cabaran secara umum. Oleh yang demikian kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji berbeza daripada kajian-kajian yang pernah dilaksanakan sebelum ini dengan menumpukan kepada analisa produk berstruktur Islam "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" yang ditawarkan oleh HSBC Amanah.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan adalah satu proses yang dikaitkan dengan satu cara atau jalan yang digunakan untuk mencari atau mendapatkan maklumat.<sup>40</sup> Secara keseluruhannya, pengkaji mengumpulkan segala bahan yang berkaitan dengan kajian ini dan seterusnya menganalisa segala maklumat yang ada bagi menghasilkan satu kajian yang baik dan jelas. Pengkaji akan memaparkan serba ringkas setiap peringkat

---

<sup>40</sup> Azizi Yahaya et al., *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd., 2006), 13; J. A. Khan, *Research Methodology* (New Delhi: APH Publishing Corporation, 2008), 2; R. Panneerselvam, *Research Methodology* (New Delhi: Prentice-Hall, 2006), 2.

metode yang digunakan untuk kajian ini. Umumnya, kajian ini merupakan kajian lapangan berbentuk kualitatif yang menggunakan dua metode utama untuk menyempurnakan kajian, iaitu:

1. Metode Pengumpulan Data
2. Metode Penganalisaan Data

Metode pengumpulan data sesuai digunakan untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan topik kajian manakala metode analisis data diaplikasikan untuk menyusun kajian secara sistematik seterusnya mencapai objektif yang digariskan di akhir kajian.<sup>41</sup>

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data ialah usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat yang berkaitan kajian.<sup>42</sup> Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan, pengkaji menggunakan dua kombinasi bentuk kajian iaitu:

- a. Kajian Perpustakaan
  - b. Kajian Lapangan.
- 
- a. Kajian Perpustakaan

Proses pembacaan dan penelitian terhadap bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian menjadi sumber asas dalam pengumpulan dan pemerolehan data atau

---

<sup>41</sup> Fons Van De Vijver & Kwok Leung, *Methods and Data Analysis for Cross Cultural Research*. (USA: Sage Publications, 1997), 59; J. I. Ansel & M. J. Phillips, *Practical Methods for Reliability Data Analysis* (New York: Oxford University Press, 1994), 11.

<sup>42</sup> R. Lyman Ott & Michael Longnecker, *An Introduction to Statistical Methods and Data Analysis*. (USA: Brooks/Cole Cengage Learning, 2010), 16 -18; Wendy Olsen, *Key Concepts in Data Collection* (London: SAGE Publications, 2012), 3.



maklumat dalam kajian ini. Kajian perpustakaan merupakan satu teknik yang digunakan oleh seseorang pengkaji bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod yang ada.<sup>43</sup> Untuk mengumpul data-data berkaitan kajian ini, pengkaji telah membuat rujukan dan mengunjungi beberapa buah perpustakaan dan kebanyakan data penyelidikan diperolehi dari perpustakaan di Universiti Malaya, iaitu:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iii) Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.
- iv) Perpustakaan Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya

Pengkaji turut membuat rujukan perpustakaan di luar kampus, di antara perpustakaan tersebut ialah:

- i) Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- ii) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- iii) Perpustakaan UITM Shah Alam
- iv) Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur
- v) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- vi) Perpustakaan INCEIF, Kuala Lumpur
- vii) Perpustakaan Bank Negara, Sasana Kijang, Kuala Lumpur
- viii) Perpustakaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- ix) Perpustakaan Utama Universiti Kaherah, Mesir
- x) Perpustakaan Dar al-Ulum, Kuliyyah Dar al-Ulum Universiti Kaherah, Mesir

---

<sup>43</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991), 41.

Bentuk penyelidikan ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dari sumber primer<sup>44</sup> seperti kitab-kitab turath meliputi bidang fiqh, tafsir dan hadith serta sumber sekunder<sup>45</sup> seperti buku, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan seumpamanya yang sesuai untuk kajian ini. Ia digunakan untuk mendapatkan landasan teori sebagai asas kajian. Pendekatan kajian perpustakaan ini diaplikasikan dalam setiap bab merangkumi definisi, teori, huraian konsep, perbincangan fuqaha serta analisa isu-isu syariah.

Menerusi kajian perpustakaan ini juga, metode dokumentasi telah digunakan. Metode dokumentasi bermaksud cara pengumpulan data dengan melakukan penelitian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Metode ini dilaksanakan dengan menganalisis dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang dikaji iaitu produk berstruktur Islam. Dokumen ini merujuk kepada buku, artikel jurnal, kertas kerja, majalah, siaran akhbar, buletin yang berkaitan dengan produk berstruktur Islam.

#### b. Kajian Lapangan

Kajian lapangan ini dilakukan untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan perkembangan produk berstruktur Islam. Ia digunakan bagi melengkapkan data dari kajian perpustakaan selain membantu pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat baru dari sumber yang berautoriti. Selain sebagai cara mendapatkan pendirian secara lisan dari responden dengan cara bersoal jawab<sup>46</sup> dan

---

<sup>44</sup> Neil J. Salkind, *Exploring Research* (New Jersey: Pearson Education International, 2006), 202.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 211.

<sup>46</sup> Tim May, *Social Research: Issues, Methods and Process* (Buckingham: Open University Press, 2001), 120.

bersemuka dengan responden.<sup>47</sup> Kajian lapangan ini dilaksanakan melalui temubual bersama pihak-pihak yang berautoriti dan terlibat secara langsung dalam bidang kajian.<sup>48</sup>

i. Temubual

Temubual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian lapangan. Ia dilaksanakan secara lisan (perbualan) dan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman dan video.<sup>49</sup> Temubual telah diadakan dengan pihak HSBC Amanah yang terlibat secara langsung dalam penstrukturan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i.*"

Bentuk temubual yang dilaksanakan oleh pengkaji ialah temu bual semi berstruktur yang mana pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temubual dijalankan tetapi pengkaji turut mempunyai kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya.<sup>50</sup> Hasil temu bual ini mengukuhkan lagi pandangan-pandangan dalam kajian ini. Bagi memastikan kaedah temubual ini bersifat objektif beberapa kaedah telah ditetapkan:

- a. Pengkaji mengadakan temu janji dengan responden mengikut masa yang terbaik dan sesuai bagi mengadakan sesi temubual.
- b. Soalan-soalan temubual berhubung produk berstruktur Islam telah dibentuk terlebih dahulu dan dikemukakan kepada responden yang terlibat sebelum sesi temubual dijalankan.

---

<sup>47</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, 50

<sup>48</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd., 2006), 113.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> *Ibid.*

- c. Temubual yang dijalankan direkod dengan menggunakan rakaman suara dan catatan. Seterusnya dipindahkan dalam bentuk transkripsi.
- d. Proses pengumpulan data melalui temubual dibantu dengan pengumpulan data berbentuk laporan kajian, pamflet, nota dan sebagainya.

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis isu-isu Syariah dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" yang diterbitkan oleh HSBC Amanah. Oleh itu, pengkaji telah menemubual responden yang terpilih (*selected respondent*) berdasarkan keauthoritiannya, berpengalaman luas, berkeelayakan dan terlibat secara langsung dalam bidang kajian yang dilaksanakan. Justeru itu, Pemangku Ketua Bahagian Syariah, HSBC Amanah Malaysia telah dijadikan responden untuk kajian ini. Responden yang ditemubual tersebut ialah Mohamad Noranuar Sajari.<sup>51</sup>

ii. Instrumen Soalan Temubual

Draf soalan temubual telah diperiksa dan dianalisa bagi memenuhi objektif kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis isu-isu Syariah dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" yang diterbitkan oleh HSBC Amanah. Justeru, perbincangan berikut menjelaskan soalan-soalan temubual untuk menunjukkan konsistennya dengan objektif kajian.

Terdapat dua bahagian di dalam soalan temubual iaitu bahagian A yang merangkumi soalan-soalan asas berkaitan konsep, objektif, ciri-ciri, struktur dan tempoh masa pelaburan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*." Soalan ini

---

<sup>51</sup> Pakar Pembangunan Produk Syariah di Bank Muscat, Oman. Pernah menjawat jawatan sebagai Pemangku Ketua Bahagian Syariah, HSBC Amanah Malaysia yang dipertanggungjawab sebagai pakar Syariah dalam aktiviti perbankan Islam seperti membangunkan produk-produk baru di HSBC Amanah. Berpengalaman luas dalam produk berstruktur Islam dan terlibat secara langsung dalam penstrukturan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*". Temubual dilakukan pada 23 Disember 2012.

distruktur selari dengan objektif kajian untuk menjelaskan konsep dan bentuk produk berstruktur Islam.

Manakala bahagian B merupakan soalan berkaitan isu-isu yang timbul dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*." ini. Ia merangkumi soalan berkaitan instrumen derivatif yang digunakan, prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan, kontrak yang digunakan, yuran atau caj yang dikenakan dan penerimaan pelabur terhadap produk ini. Soalan ini distruktur selari dengan objektif kajian untuk menghuraikan prinsip-prinsip dan isu-isu Syariah dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" serta menganalisis keselarasan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" dengan prinsip-prinsip Syariah.

### **1.8.2 Metode Penganalisaan Data**

Metode ini digunakan oleh pengkaji untuk menyusun atur semua data-data yang telah dikumpul. Data-data kajian yang telah dikumpulkan akan dianalisis bagi membolehkan pengkaji membuat interpretasi mengenai kajian yang dibuat.<sup>52</sup> Justeru itu, pengkaji menggunakan beberapa metode untuk menganalisis data dan maklumat yang diperolehi seterusnya menghasilkan satu rumusan daripada kajian ini. Metode yang digunakan ialah:

#### **a. Metode Induktif**

Metode induktif ialah satu cara menganalisis data melalui pola berfikir bagi mencari bukti keterangan dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil

---

<sup>52</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, 19.

yang bersifat umum.<sup>53</sup> Melalui kaedah ini, data yang terperinci akan dikumpulkan untuk dibuat penilaian secara umum bagi mendapat gambaran am yang sebenarnya. Fakta-fakta akan dihuraikan terlebih dahulu kemudian dirumuskan menjadi satu kesimpulan yang umum.

Metode ini digunakan untuk membentangkan pandangan-pandangan para cendekiawan berkaitan produk berstruktur Islam seterusnya membuat satu kesimpulan sama ada produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" menepati Syariah atau tidak. Pengkaji juga menggunakan metode analisis data ini di dalam merumus dan membuat kesimpulan umum setiap bab.

b. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah cara menganalisa melalui pola berfikir bagi mencari pembuktian perkara-perkara yang bersifat umum kepada kesimpulan yang bersifat khusus terhadap persoalan yang dikaji.<sup>54</sup> Dengan kata lain, metode ini dijalankan berdasarkan data dan contoh-contoh yang berbentuk umum dan dihuraikan secara lebih mendalam dan terperinci.

Pengkaji menggunakan metod ini dalam menghuraikan konsep produk berstruktur Islam berdasarkan pandangan cendekiawan dan huraian berkenaan isu-isu Syariah yang terdapat dalam penstrukturan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" yang diterbitkan oleh HSBC Amanah.

---

<sup>53</sup> Peter A. Angeles, *A Dictionary of Philosophy* (London: Haper and Row Publisher, 1931), 132; Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 11.

<sup>54</sup> Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 12.

Seterusnya pengkaji menggunakan pola ini dalam menganalisis prinsip-prinsip Syariah dan instrumen derivatif yang digunakan dalam penstrukturan produk.

c. Metode Komparatif

Metode komparatif ialah satu cara membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap data dan fakta yang diperolehi semasa melakukan penelitian. Perbandingan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan, serta kebenaran yang kukuh. Pengkaji menggunakan metode ini ketika membuat perbandingan antara pandangan-pandangan fuqaha dalam menyelesaikan permasalahan isu-isu Syariah yang timbul berhubung penstrukturan produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" disamping menentukan kesesuaiannya dengan prinsip Syariah. Di akhir kajian akan mendapati sama ada produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" yang diterbitkan oleh HSBC Amanah mematuhi prinsip-prinsip Syariah atau tidak.